

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**  
**OPERASI KEDAI KOPI MODEN DI**  
**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH**  
**(UniSHAMS)**

**1.0 PENGENALAN**

UniSHAMS sedang di dalam pencarian operator kedai kopi bagi memberi kemudahan kepada penuntut universiti, kakitangan universiti, para tamu dan orang luar.

RFP ini adalah bertujuan untuk memilih mana-mana cadangan yang sesuai dengan kehendak UniSHAMS dan pihak UniSHAMS juga berhak untuk tidak memilih mana-mana pembida.

**2.0 LATAR BELAKANG**

UniSHAMS adalah sebuah universiti yang terletak di Kuala Ketil Daerah Baling. Universiti sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah (KUIN) yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Kedah dan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan sudah mencapai tahun yang ke-30.

Buat masa ini, UniSHAMS mempunyai seramai 3,500 pelajar dan 420 kakitangan. Seramai 800 pelajar tinggal di asrama UniSHAMS dan selebihnya tinggal dikawasan berdekatan Universiti.

**3.0 DESKRIPSI**

Ruang yang akan disewa terletak di Bangunan A3 iaitu di Bangunan Perpustakaan dan juga menempatkan Pusat Pengajian Pasca Siswazah. Kawasan yang dimaksudkan adalah terletak di Tingkat Bawah iaitu di Lobi Utama Bangunan Perpustakaan. Lokasi Kedai Kopi ini juga dicadangkan sebagai salah satu tempat untuk penuntut khasnya untuk bersantai atau perbincangan sambil menjamu selera. Disamping itu, kedai kopi ini juga akan jadi pemangkin bagi menyemarakkan lagi suasana pembelajaran yang tenang, pilihan santai yang berdekatan dengan Perpustakaan.

**4.0 SKOP PENYEWA**

- Penyewa perlu mendapatkan segala permit berkaitan yang berkuatkuasa dan pendaftaran SSM.
- Penyewa akan menanggung kos ubahsuai dan penyenggaraan.
- Penyewa perlu mematuhi waktu operasi sepanjang penyewaan iaitu mulai jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam.

**5.0 SKOP UniSHAMS**

- UniSHAMS akan bertanggungjawab ke atas penyenggaraan bangunan, sistem kebakaran dan sistem keselamatan.
- UniSHAMS juga boleh berkolaborasi dengan penyewa bagi tujuan aktiviti promosi dan pemasaran.

## **6.0 TEMPOH KONTRAK**

Tempoh kontrak adalah selama 2 hingga 7 tahun berdasarkan pelaburan modal pembida (CAPEX) tidak termasuk barang mudah alih dan barang operasi.

## **7.0 LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah diwajibkan bagi memudahkan pihak pembida mendapat gambaran yang sebenar bagi menyediakan RFP dengan tepat.

**Lawatan tapak dan taklimat akan diadakan 27 Oktober 2024, pukul 10.30 pagi.**

## **8.0 CADANGAN AKHIR**

- Profil syarikat dengan bukti sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman di industri F&B.
- Salinan SSM.
- 3 bulan Penyata Bank yang terkini yang disahkan benar oleh Bank.
- Lain-lain dokumen yang berkaitan dan menyokong RFP.
- Konsep kedai
- Reka bentuk 3D (3D drawing design)
- Jenama
- Senarai barang jualan beserta harga
- Cadangan bayaran balik kepada universiti samada dalam bentuk:
  - a. Sewa
  - b. Perkongsian berdasarkan Jualan Kasar (Gross Revenue)
  - c. Secara hybrid (Sewa tetap + perkongsian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak)
  - d. Lain-lain

## **9.0 PENGHANTARAN CADANGAN**

Cadangan ini perlu dihantar secara serahan tangan dengan menggunakan Sampul Surat yang berlakri selewat-lewatnyanya pada jam 12.00 tengah hari pada **15 November 2024** ke alamat seperti di bawah:

Unit Premis  
Pejabat Bendahari  
Aras 2, Bangunan Canselor Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
(UniSHAMS)  
09300 Kuala Ketil  
Kedah Darul Aman

Untuk maklumat tambahan, boleh berhubung dengan pegawai seperti di bawah:

**Puan Wan Nur Syazwani binti Wan Marzuki** di talian **04-499 1091** atau emel [premis@unishams.edu.my](mailto:premis@unishams.edu.my)

